



18 SEP, 2024

Kastam Melaka rampas 5,000kg serbuk timah seludup

Sinar Harian, Malaysia



Nadzri (tengah) menunjukkan serbuk timah dirampas.

Kastam Melaka rampas 5,000kg serbuk timah seludup

MELAKA - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mematahkan kegiatan penyeludupan serbuk timah seberat 5,000 kilogram (kg) dari negara jiran pada bulan lalu.

Pengarahnya, Nadzri Che Ani berkata, timah tersebut dibawa masuk dalam bentuk serbuk sebelum dibungkus dalam beg guni untuk pasaran sektor perindustrian seperti kilang pembuatan tin.

Menurutnya, sindiket itu dikesan menggunakan laluan perairan negara berhampiran Mersing, Johor, pada waktu pagi dengan bot.

Katanya, turut ditahan seorang pemandu lori bersama pembantunya, masing-masing berusia 30-an dan 40-an selepas gagal mengemukakan bukti dokumen percukaian sah.

"Jumlah rampasan dan sitaan membabitkan lori dan serbuk timah dianggarkan berjumlah RM450,000.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967," katanya ketika sidang akhbar di Wisma Kastam, Durian Tunggal, pada Selasa.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Nadzri berkata, pihaknya

merampas sebuah kereta sport mewah jenama Lotus bernilai RM531,960 di sebuah pusat beli-belah di Selangor, pada Julai lalu.

Menurutnya, kereta terbabit dipercayai diseludup dari Singapura untuk diedarkan ke negara ini.

"Bertindak atas maklumat risikan, pasukan berjaya mengesan dan menyita kereta itu yang diparkir sejak tiga bulan lalu.

"JKDM Melaka berjaya menumpaskan pelbagai kegiatan penyeludupan berjumlah RM1.2 juta," katanya.



18 SEP, 2024

Kastam Melaka rampas 5,000kg serbuk timah seludup

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

MELAKA - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mematahkan kegiatan penyeludupan serbuk timah seberat 5,000 kilogram (kg) dari negara jiran pada bulan lalu. Pengarahnya, Nadzri Che Ani berkata, timah tersebut dibawa masuk dalam bentuk serbuk sebelum dibungkus dalam beg guni untuk pasaran sektor perindustrian seperti kilang pembuatan tin. Menurutnya, sindiket itu dikesan menggunakan laluan perairan negara berhampiran Mersing, Johor, pada waktu pagi dengan bot.